



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	14/8/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	: 28
JABATAN	:	JPNK		

Lelaki ditahan ketika rata hutan secara haram

Kira-kira enam hektar tanah telah diratakan untuk tanam getah

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Seorang lelaki yang dipercayai mengambil upah meratakan Hutan Simpan Genting Iboi, Padang Terap secara haram untuk menanam pokok getah ditahan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) pada Khamis.

Dalam serbuan kira-kira jam 4.30 petang tersebut, pihak JPNK menahan seorang lelaki tempatan berusia 47 tahun ketika dia sedang mengendali jentera untuk meratakan tanah.

Pengarah JPNK, Muhamad Abdullah berkata, bertindak atas aduan awam, pasukan bertugas melakukan serbuan dan mendapati kira-kira enam hektar tanah telah diratakan dipercayai dilakukan sejak tiga hari lepas.

Muhammad berkata, pihaknya menganggarkan kerugian mencecah ratusan ribu ringgit akibat kegiatan meratakan tanah dan memusnahkan pokok-pokok hutan secara haram itu.



Kawasan tanah Hutan Simpan Genting Iboi, Padang Terap dikesan dirata dan dibersihkan secara haram untuk menanam pokok getah.

PENCEROBOHAN HUTAN SIMPAN

“Susulan itu, lelaki itu telah dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Padang Terap untuk siasatan lanjut dan menyita sebuah jentolak yang digunakan untuk membantu siasatan.

“Kes ini akan disiasat mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 iaitu di bawah Seksyen 81(1)(b) kerana menebang, memotong, mengelang, menanda, menutuh atau menoreh mana-mana pokok atau merosakkan dengan api,” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Tambah Muhammad, denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali sekiranya didapati bersalah melakukan kesalahan tersebut.

Beliau memaklumkan siasatan turut dilakukan mengikut Seksyen

81(1)(g) kerana menceroboh hutan simpan kekal dan Seksyen 47(1) kerana memasuki hutan tertutup tanpa kebenaran.

“Bagi dua seksyen berkenaan denda masing-masing tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali sekiranya didapati bersalah,” katanya.

Menurut beliau, pihaknya memandang serius aktiviti pencerobohan dan penerokaan hutan simpan kekal serta akan melaksanakan pendakwaan terhadap individu-individu yang melakukan kesalahan.

Pihaknya mengalu-alukan kerjasama mana-mana pihak menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti kesalahan hutan, penerokaan dan pencerobohan hutan simpan kekal bagi memastikan salah laku berhubung perhutanan dapat dibendung.

